

Selawat cara mudah raih ketenangan

Tidak sukar menggapai cinta Nabi Muhammad SAW. Mengingati Baginda Rasulullah SAW boleh dibuat dengan cara paling mudah dengan sentiasa melafazkan selawat tanpa mengira waktu dan keadaan.

Tanpa sedar, kebanyakan kita terlalu berkira untuk berselawat sehingga ia cuma dilakukan pada waktu tertentu, iaitu dijadikan wirid selepas solat.

Mengapa tidak jadikan selawat sentiasa meniti di bibir, dilagukan dan dibudayakan dalam segenap amalan seharian supaya kecintaan terhadap Baginda konsisten, sekali gus kita semakin istiqamah dalam menggapai kecintaan terhadap Rasulullah SAW.

Pensyarah Pusat Kelestarian Turath Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ahmad Fakhurrizi Mohammed Zabidi, berkata setiap umat Islam perlu memahami bahawa selawat adalah dengan menyebut, mendoakan, mengulangi puji-pujian dan menyatakan kelebihan Nabi Muhammad SAW.

"Maka, dengan cara berselawat, mudah-mudahan kebaikan melimpah pula kepada kita dan puji-pujian yang ditujukan kepada Rasulullah SAW itu menjadi sebab individu semakin tenang dan dengan syafaatnya, mudah untuk kita berakhlak dan beradab seperti akhlak Baginda.

"Selawat juga doa kepada Baginda, maka Rasulullah SAW akan mendoakan kita 10 kali ganda, apatah lagi kita wajib yakin Allah SWT tidak akan sesekali menolak doa kekasih-Nya.

Capai ketenangan hidup

"Ia membuat kita mencapai ketenangan hidup sama ada ketika saat gembira atau dukacita, sakit atau sihat dan saat dipuji atau dikeji," katanya kepada BH di Kuala Lumpur.

Beliau turut menyarankan supaya menjadikan selawat disulam dalam kehidupan harian khususnya ketika melakukan perkara disukai seperti petua orang tua yang menggalakkan kita berselawat ketika melakukan perkara rutin.

"Ketika membasuh beras atau menanak nasi mengapa tidak disulam dengan selawat atau sewaktu beristirahat ke tempat kerja dan bagi mereka yang ada hobi bercucuk tanam, sambil menyiram pokok, bibir juga turut berkerja melafazkannya," katanya.

Ahmad Fakhurrizi berkata, tidak salah sekiranya selawat itu dilagukan, dinyanyikan dalam bentuk gurindam, qasidah serta bentuk alunan lain selagi kita tidak rasa terbeban dengannya.

"Ada banyak bentuk alunan selawat yang mempunyai tema khu-



Umat Islam boleh mencapai ketenangan hidup dengan berselawat dan mengingati Rasulullah SAW walaupun berdepan pelbagai cabaran dan antara cara mudah mencapai reda Allah SWT.

sus dan sesuai bagi tujuan menuntut ilmu. Selawat Sheikh Khalil Bangkalan bermaksud: Ya Allah, selawat puji kepada Nabi Muhammad SAW dengan selawat ini jadi penyebab agar aku berada dalam kalangan orang berilmu dengan ilmu yang zahir dan batin. Ia jadi penyebab untuk kami dihimpunkan bersama solihin di dunia dan akhirat serta kesejahteraan kepada sahabat yang lainnya.

"Amat baik jika dapat dibudayakan di sekolah, mungkin ketika permulaan subjek Pendidikan Islam, guru boleh membacanya untuk mendekatkan pelajar dengan amalan selawat," katanya.

Tambahnya, afdal dalam selawat itu maksudnya, ia beri kesan dalam kehidupan. Jika kita merasakan afdal atau selesa melagukannya dan selagi ia tetap mengemukakan kecintaan kepada Baginda, maka ia dibolehkan.

"Anak muda sinonim dengan selawat dalam alunan menghiburkan. Asalkan termasuk dalam puji-pujian kepada Baginda, mendoakannya dan menceritakan hal ehwal Baginda, selain turut menyebut fadilat serta syafaat, maka jika ia dilagukan termasuk dalam qasidah, tidak menjadi masalah.

"Mungkin bagi orang tua, selawat cara biasa itu afdal bagi mereka tetapi gunakan cara masing-masing asalkan ia dirasai dan senang diamalkan," katanya.

Masyarakat juga perlu tahu, kata Ahmad Fakhurrizi, selawat adalah amalan penting untuk kekal merasa hubungan dengan Nabi Muhammad SAW.

"Ia indikator penting benarnya keimanan kita kepada Allah SWT.

Di atas kefahaman ini, maka seseorang itu pastinya tidak mahu terputus ikatan dan kecintaan kepada Junjungan Baginda.

"Ini mengingatkan kita, mencintai Nabi Muhammad SAW itu adalah kayu ukur diterima, diiktiraf dan kukuhnya keimanan kita kepada Allah SWT," katanya.

Penyelamat fitnah akhir zaman

Beliau menambah, tiada senjata lebih ampuh yang dapat menyelamatkan masyarakat Islam hari ini daripada fitnah akhir zaman melainkan dengan mendekatkan diri dengan junjungan Nabi Muhammad SAW.

"Lihat sahaja bagaimana kisah bayi yang dibuang ibunya sendiri, kejadian bunuh diri, pengasuh bertindak mendera kanak-kanak di bawah jagaannya.

"Kesemua ini menggambarkan pudarnya nilai keinsanan dalam diri yang ditiadakan oleh Allah SWT atas sebab kita sendiri yang tidak mendekatkan rohani dengan-Nya dan Rasulullah SAW.

"Allah SWT mengisytiharkan Baginda sebagai Rahmatan Lil Alamin (rahmat untuk seluruh alam), namun bayangkan kesedihan Baginda kerana kita lebih mementingkan perkara keduniaan, berapa besar rumah yang dimiliki, ada pekerjaan yang baik dan fokus kepada pelajaran akademik semata-mata," katanya.

Kelalaian itu mengakibatkan kita terdedah dengan pelbagai krisis kemanusiaan yang berbentuk konflik dalaman, bahkan turut mempengaruhi keluarga dan orang sekeliling dan lebih parah

merebak sehingga pada peringkat global dapat dikesan menerusi peperangan yang tidak henti-henti.

"Umat hari ini sebenarnya sangat terdesak untuk meraih cinta Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, namun elemen kerohanian ini dipisahkan seperti majlis ilmu, zikir dan selawat diabaikan oleh sebahagian daripada kita.

"Jadi, bagaimana untuk meraih jalan keluar dan hampir kepada penyelesaian sedangkan Baginda mengisytiharkan pewarisnya adalah yang mewarisi jiwa Nabi.

"Namun, jika kita masih mudah marah dan sukar mengawal nafsu, ia bererti kita mewarisi jiwa Iblis. Maka perlu kepada bimbingan rohani, mempertanyakan puji-pujian kepada Baginda, sekali gus kehidupan kita akan mendapat reda serta pandangan Allah SWT," katanya.

Punca terjebak dosa batin

"Zikir dan selawat perlu sentiasa dilaksanakan setiap kali bernafas dan selagi berdenyutnya nadi.

"Lupa kepada Allah SWT dan cinta Rasulullah SAW itu akan membuatkan kita terjebak kepada dosa batin. Sebanyak mana pun dosa zahir, nabi akan memberi syafaat hingga diberikan keampunan-Nya, tetapi tidak bagi dosa batin.

"Ia termasuk lupa beristighfar, bukan secara lisan saja tetapi menerusi perbuatan harian," katanya.

Justeru katanya, kejarlah cinta Allah SWT dan Rasulullah SAW, bukan mengharapka ia hadir pada saat atau ketika diperlukan, kerana dibimbangi pada waktu itu, segala-galanya sudah terlewat.



Latifah Arifin
latifah@bh.com.my



Dengan cara berselawat, mudah-mudahan kebaikan melimpah pula kepada kita dan puji-pujian yang ditujukan kepada Rasulullah SAW itu menjadi sebab individu semakin tenang dan dengan syafaatnya, mudah untuk kita berakhlak dan beradab seperti akhlak Baginda"

Ahmad Fakhurrizi
Mohammed Zabidi,
Pensyarah Pusat
Kelestarian Turath Islam,
Fakulti Pengajian Islam, UKM